



Youth Internet Governance Forum Malaysia 2019 (yIGF)

Nota Konsep

Latar Belakang

Belia di seluruh dunia memainkan peranan penting sebagai suara perubahan. Suara belia telahpun menjadi pendorong perubahan seperti yang disaksikan dalam Gerakan Umbrella di Hong Kong, mogok iklim yang dimulakan oleh Greta Thunberg di Europe, protes trafik belia di Bangladesh, belia di seluruh dunia telah membuktikan bahawa mereka merupakan pemegang taruh yang utama kepada pembangunan, demokrasi dan tadbir urus yang baik.

Di Malaysia, belia yang berumur di antara 15 hingga 35 tahun merupakan populasi yang terbesar dalam kalangan pengundi. Dengan pindaan umur mengundi daripada 21 tahun kepada 18 tahun, terdapat potensi untuk sehingga 7.8 juta pengundi baru. Belia kini akan mewakili satu populasi yang besar yang boleh menentukan dan mendorong hala tuju dasar nasional. Menurut *Malaysia Communication and Multimedia Commission's (MCMC) Internet Users Survey 2018*¹, peratusan pengguna Internet di Malaysia kini adalah 87.4%. Menurut kaji selidik yang sama, belia menggunakan Internet sekurang-kurangnya 6.7 jam sehari.

Kedua-dua isu yang dinyatakan tersebut akan membawa kepada suatu kesimpulan yang tidak dapat dielakkan iaitu bahawa belia mesti melibatkan diri dalam penggubalan dasar, terutamanya atas tadbir urus Internet kerana apa-apa polisi yang dilaksanakan pasti akan menjejaskan memberi kesan kepada sebahagian besar kehidupan seharian mereka.

Justeru itu, *Youth-Internet Governance Forum*² direka bagi melibatkan belia di seluruh dunia dan membawa pandangan dan buah fikiran mereka ke dalam wacana Tadbir Urus Internet. Di Malaysia, *Youth Internet Governance Forum Malaysia 2019 (yIGF 2019)* yang dijadualkan pada 15 dan 16 November 2019 akan menandakan yIGF yang pertama di Malaysia dan julung kalinya menawarkan peluang yang kepada belia untuk menyuarakan pandangan dan kebimbangan mereka atas Tadbir Urus Internet dan ia merupakan suatu peluang untuk pihak lain untuk terlibat dengan belia.

Selaras dengan mandat Agenda Tunis, yIGF 2019 Malaysia akan bertujuan untuk

1. Mewujudkan suatu platform untuk belia untuk membincangkan isu-isu politik berkenaan dengan unsur-unsur penting Tadbir Urus Internet dalam pembangunan Internet yang berteraskan prinsip pembangunan lestari dan selamat bagi pengguna;

¹ <https://www.mcmc.gov.my/skmmgovmy/media/General/pdf/Internet-Users-Survey-2018.pdf>

² More information on the Internet Governance Forum can be found at:
<https://www.intgovforum.org/multilingual/>

2. Memudahkan pertukaran idea dan amalan-amalan terbaik untuk kelestarian berkaitan dengan belia di Internet, dan dalam hal ini, menggunakan dengan sepenuhnya kepakaran akademik, saintifik dan komuniti-komuniti teknikal;
3. Mendorong penglibatan belia dalam mekanisme tadbir urus Internet yang sedia ada dan/atau masa depan;
4. Mengenal pasti isu-isu baru yang berkaitan dengan tadbir urus Internet yang berkaitan dengan belia, dan membawa isu-isu tersebut kepada perhatian badan-badan yang berkenaan dan orang awam, dan jika bersesuaian, membuat cadangan dan akhirnya;
5. Membincangkan, antara lain, isu-isu yang berkaitan dengan sumber-sumber Internet kritikal dengan belia di Malaysia dan memudahkan proses untuk belia menyuarakan cara penyelesaian kepada isu-isu yang timbul daripada penggunaan dan penyalahgunaan Internet.

Siapakah kami

Suatu Jawatankuasa pemandu telah ditubuhkan³ untuk menganjurkan Youth Internet Governance Forum 2019. Jawatankuasa pemandu tersebut bertugas untuk menyelia dan melaksanakan yIGF 2019 dan aktiviti-aktiviti berkaitan.

Suara Rakyat Malaysia (SUARAM), sebuah NGO hak asasi manusia yang berpangkalan di Kuala Lumpur akan membantu dan memudahkan pelaksanaan yIGF 2019.

yIGF 2019 akan dibiayai dan ditaja oleh USAID dan *Malaysia Reform Initiative*.

Aktiviti-aktiviti yang dirancang

Jangkauan dan Keupayaan Pembangunan

Sebagai satu bahagian dalam penyelarasan yIGF, satu siri program pembangunan kapasiti di seluruh negara akan dijalankan dengan kerjasama universiti-universiti, kumpulan belia, kolektif belia dan pihak berkepentingan belia yang lain untuk menjangkau dan mengkongsikan platform yIGF dengan seluas mungkin dan menyediakan belia untuk melibatkan diri dalam perbincangan dasar di yIGF.

Sekiranya anda berminat untuk suatu program pembangunan kapasiti untuk dianjurkan berhampiran anda, sila berhubung dengan kami di admin@igfy.my.

Perbincangan Belia tentang Tadbir Urus Internet

Untuk memperkukuhkan kesedaran belia tentang tadbir urus Internet di Malaysia, komuniti-komuniti belia juga adalah digalakkan untuk menganjurkan forum-forum dan panel perbincangan untuk membahaskan isu-isu berkenaan dengan tadbir urus Internet.

³ <https://igfy.my/steering-committee/>

Youth Internet Governance Forum Malaysia 2019

Tentatif Agenda:

| 15 November 2019 | Agenda |
|-------------------------|--|
| 9:00am – 9:30am | Pendaftaran |
| 9:30am – 10:30am | Pelancaran yIGF2019 dengan ucapan pembukaan oleh tetamu kehormatan |
| 10:30am – 12:30pm | Sesi Breakout I |
| 12:30pm – 2:00pm | Makan tengah hari |
| 2:00pm – 4:00pm | Sesi Breakout II |
| 4:00pm – 5:00pm | Perangkaian dengan Kopi |
| 5:00pm – 6:00pm | Nota Penutupan |

| 16 November 2019 | Agenda |
|-------------------------|------------------------|
| 9:00am – 9:30am | Pendaftaran |
| 9:30am – 10:00am | Recap Hari Pertama |
| 10:30am – 12:30pm | Sesi Breakout III |
| 12:30pm – 2:00pm | Makan tengah hari |
| 2:00pm – 4:00pm | Sesi Breakout IV |
| 4:00pm – 5:00pm | Perangkaian dengan Teh |
| 5:00pm – 6:00pm | Penutupan |

Seperti yang dinyatakan dalam pengenalan, yIGF 2019 akan diadakan di Fakulti Undang-Undang, University Malaya pada 15 dan 16 November 2019. yIGF 2019 akan mempunyai satu siri sesi *breakout* dengan panel belia untuk membincangkan isu-isu penting tentang tadbir urus Internet. Peserta-peserta

juga adalah digalakkan untuk mengemukakan topik-topik atau panel yang mereka ingin lihat atau diadakan di yIGF.

Bagi peserta-peserta yang berminat untuk menganjurkan panel-panel sendiri, mereka adalah digalakkan untuk menghantar cadangan pada www.igfy.my/proposalsubmit atau berhubung dengan kami di admin@igfy.my.

Bayaran masuk tidak akan dikenakan untuk peserta-peserta dan biasiswa akan ditawarkan kepada peserta-peserta dari luar kawasan Lembah Klang. Peserta yang berminat boleh mendaftar di www.igfy.my/participate/. Maklumat mengenai biasiswa perjalanan penuh boleh didapati di www.igfy.my/scholarship-for-participants/. Untuk maklumat lanjut, sila berhubung dengan kami di inquiries@igfy.my.

Sukarela dengan yIGF 2019

Sekiranya anda berminat untuk menjadi sukarela bagi *Steering Committee* untuk yIGF 2019, sila hubungi kami melalui emel di admin@igfy.my atau hubungi kami di +6011 6110 0842.